

Pendapat ulama terhadap Rasm Uthmani

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD**

ALLAH SWT telah memberi jaminan untuk menjaga al-Quran melalui firmanNya yang bermaksud: Sesungguhnya Kami yang menurunkan al-Zikr(al-Quran) dan Kamilah yang menjaganya. (al-Hijr: 9)

Ulama menafsirkan penjagaan ini terbahagi kepada dua iaitu di dalam dada para hafiz dan dalam helaian mushaf.

Apabila ditanya kepada Imam Malik apakah boleh ditulis mushaf mengikut ejaan semasa? Beliau menjawab mesti ditulis mengikut apa yang ditulis oleh penulis wahyu di zaman Rasulullah SAW.

Imam Malik juga menyatakan bahawa al-Quran ditulis mengikut pendengaran para sahabat ra dari bacaan Rasulullah SAW.

Dua petikan kata-kata Imam Malik di atas adalah bukti yang kuat kepada kita bahawa penulisan Rasm Uthmani adalah pilihan utama kepada umat Islam dan wajib dikekalkan.

Bicara Qiraat

Bagi menguatkan lagi hujah tersebut Imam Ahmad Ibn Hambal menjelaskan haram menyalahi rasm al-Quran walaupun pada alif atau wau.

Penulis wahyu di kalangan para sahabat menulis al-Quran di bawah pengawasan Rasulullah SAW bukan mengikut selera mereka bagaimana hendak menulis setiap perkataan al-Quran.

Proses penulisan di hadapan Rasulullah SAW dan dibaca semula selepas menulis adalah bukti ia adalah *tauqifi*.

Ulama bersepakat menjadikan mushaf yang dihantar oleh Uthman Ibn Affan ke kota Islam iaitu Mekah, Basrah, Kufah, Syam dan Madinah adalah satu rukun dalam menilai kesahihan qiraat.

Penilaian qiraat untuk diterima pakai sama ada mutawatirah dan boleh dibaca dalam sembahyang mestilah memenuhi tiga rukun iaitu sanad yang sahih, menepati bahasa arab dan menepati rasm mushaf.

Menepati rasm mushaf bermaksud qiraat yang dinilai mestilah sama dengan

perkataan yang tertulis dalam mushaf Uthmani. Jika berlainan, qiraat tersebut ditolak dan tidak dibenarkan membacanya dalam sembahyang.

Sheikh Ali Dabba' melalui kitabnya *Samir al-Talibin*, telah menyenarai lebih daripada 10 pandangan ulama bahawa wajib menulis al-Quran dengan rasm Uthmani.

Antaranya adalah pendapat al-Ustaz Abdul Rahman Ibn al-Qadhi al-Maghribiy yang menyatakan: Tidak harus mengikut selain Rasm Uthmani, jangan membuat alasan dengan berkata sesungguhnya orang awam tidak mengetahui tulisan mushaf dan akan berlaku kesalahan bacaan jika ditulis dengan Rasm Uthmani atau memberi alasan-alasan yang lain.

Ini semua adalah tidak benar kerana sesiapa yang tidak mengetahui Rasm Uthmani, wajib kepada mereka mempelajarinya sebelum membaca al-Quran. Jika mereka lakukan selain itu sesungguhnya telah menyalahi ijmak.

Hukumnya telah diketahui dan segala alasan tidak menggunakan Rasm Uthmani adalah tertolak kerana menyalahi ijmak. Kerosakan sebegini



AL-QURAN yang kita gunakan kini adalah mengikut Rasm Uthmani.

telah menyerap di kalangan umat Islam sekarang ini, justeru hendaklah menjaganya untuk *masalah* diri dan umat.